

Sukan

Tahap kesedaran warga semakin meningkat

Wong dorong pelibatan semua apabila Spura jadi hos Sukan SEA bulan depan



► ANWAR YAHYA
anwar@sph.com.sg

KURANG sebuah sebelum Sukan SEA Ke-28 dirasmikan awal bulan depan, 'tahap kesedaran' mengenai pengajutannya dalam kalangan warga setempat kian meningkat, terutama sejak sebulan dua lalu.

Memberi pandangannya di sesi dialog dengan media setempat yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) kelmarin, Erick Lawrence Wong berkata "kebanyakan warga atau mungkin hampir kesemua warga Singapura sudah pun tahu bahawa temasya sukan ni akan dianjurkan di sini tidak lama lagi".

Justeru, matlamatnya kini, kata Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia itu, ialah meningkatkan lebih 'tahap kesedaran' itu dan mendorong warga melibatkan diri dalam temasya sukan yang akan dianjurkan Singapura buat pertama kali dalam 22 tahun.

"Saya fikir dengan publisiti meluas yang akan dijalankan dalam beberapa minggu mendatang... dengan beberapa acara kemasyarakatan yang dirancarkan, termasuk perarakan obor sukan di kawasan kejiranan... serta ahli meluaskan masa menemui penduduk... tahap kesedaran itu akan terus meningkat," ujar Erick Wong.

Dalam sesi dialog itu, beliau turut memberi taklimat mengenai persiapan terkini sebelum Singapura menerima para peserta, pegawai serta pelawat serantau yang bakal ber-kumpul bagi temasya sukan pada 5 hingga 16 Jun ini.



Selain menampilkan kontinjen terbesar dalam sejarah Sukan SEA, temasya kali ini dijangka disertai lebih 10,000 atlet dan pegawai dari 11 negara peserta.

Kesemua atlet itu akan bersaing dalam 36 cabang sukan sepanjang temasya tersebut dengan beberapa acara seperti bola sepak dan tenis juga dimulakan lebih awal.

Erick Wong berkata segala persiapan berjalan lancar dan Singapura kini sudah pun bersedia sedia mengajutkan temasya sukan terbesar Asia Tenggara itu.

Dari segi kemudahan, semua persiapan atlet dan tenaga sukarelawan ghaibah menantikan detik mula temasya sukan tersebut.

Yang tinggal kini, kata Erick Wong, ialah melihat warga Singapura tampil memberi sokongan serta memanfaatkan kelebihan temasya di 'padang sendiri'.

Dengan penonton tidak perlu

membayar untuk menyaksikan separuh daripada 36 acara sukan yang diperbandingkan, beliau menarik perhatian bahawa usaha turut dilakukan bagi menggalak warga hadir dan memberi sokongan serta "memberi impak kepada perjalanan ahli Team Singapore".

Contohnya ialah acara final atletik - yang tidak perlukan tiket - yang sengaja diletakkan pada lewat petang dengan harapan syarikat serta persatuan setempat dapat memberikan kakitangan mereka peluasan lebih awal untuk hadir dan menyokong ahli negara.

Turut penting, menurut Erick Wong, ialah melihat temasya sukan itu meningkatkan wawasan besukan yang bertunas, baik dalam kalangan atlet mahupun warga biasa yang lain.

"Kami mahu melihat (temasya) menjadi pemangkin dalam budaya sukan Singapura... melihat lebih ramai atlet muda mencatatkan keputusan baik dan mendapat inspirasi melangka lebih jauh dan menocoh tahap lebih tinggi... Sukan Asia, Sukan Komonwel dan sehingga Sukan Olimpik.

"Bagi warga setempat yang lain, mereka juga boleh menerangkan budaya bersukan atau sekurang-kurangnya memutar budaya menonton acara sukan yang tentunya dapat menyegarkan dan memperkatakan lagi budaya ini.

"Jadi, apa yang kami mahukan ialah mengajutkan suatu temasya yang berkilahiti dengan harapan memutuskan warisan sukan yang berkekalan," tambah Erick Wong.

Sesi dialog itu turut dihadiri Menteri Negara (Pejabat Perdana Menteri), Erick Sam Tan.

KATA-KATA
PERANGSAM:
Erick Wong

(berjailu putih) memberikan kata-kata semangat kepada pasukan sliat negara yang akan beraksi di Sukan SEA ini.

Di kanan beliau ialah CEO Persatuan Sliat Singapura, Sheik Alauddin Yacoub Marican.

- Foto MCCY